

ANALISIS AMALAN SOLOGAMI DALAM PERKAHWINAN MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

AN ANALYSIS OF THE PRACTICE OF SOLOGAMY IN MARRIAGE FROM THE PERSPECTIVE OF ISLAMIC LAW

**Mohd Anuar Ramli^{a*}, Muhammad Syahmi Mohd Sabri^b & Mohamad Aiman Ashraff
Mohd Zamri^c**

^aProfesor Madya, Jabatan Fiqh-Usul dan Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. (Emel: mohdanuar@um.edu.my)

^bMahasiswa, Kuliah Syariah, Universiti al-Azhar, Mesir. (Emel: muhsyahmimohdsabri@gmail.com)

^cMahasiswa, Kuliah Syariah, Universiti al-Azhar, Mesir (Emel: mohamadaimanashraff@gmail.com)

**Corresponding Author*

Article history

Received date : 2-10-2025
Revised date : 9-10-2025
Accepted date : 28-10-2025
Published date : 30-11-2025

To cite this document:

Ramli, M.A., Sabri, M.S.M. & Zamri, M.A.A.M. (2026). Analisis Amalan Sologami Dalam Perkahwinan Menurut Perspektif Hukum Islam. *Islamic Journal Of Cultural Studies (IJCS)*, 1(1), 74-82.

Abstrak: Perkahwinan berkait rapat dengan syariat, perundangan, budaya dan adat masyarakat. Setiapnya mempunyai aturan dan tradisi yang tersendiri. Perkembangan semasa menunjukkan perubahan dalam amalan perkahwinan. Biasanya ikatan perkahwinan melibatkan hubungan di antara dua pihak, khususnya lelaki dan perempuan. Akan tetapi dalam trend semasa, wujud amalan yang menjadi pilihan kepada golongan wanita terutamanya iaitu sologami, iaitu mengahwini diri sendiri. Sehubungan itu, penulisan ini akan menfokuskan terhadap perbincangan amalan sologami dari perspektif hukum Islam. Analisis hukum telah mengaplikasi instrumen al-Quran, al-Sunnah dan adat. Jelasnya, amalan ini bertentangan dengan al-Quran, al-Sunnah, adat serta maqasid perkahwinan dalam Islam.

Kata kunci: Autogami; Feminisme; Menjaga keturunan; Narsistik; Patriaki

Abstract: Marriage is closely related to the principles of Sharia, law, culture, and social customs. Each of these domains has its own rules and traditions. Recent trends show a shift in marriage practices. Typically, marriage involves a relationship between two parties, specifically a man and a woman. However, in current trends, there has emerged a practice that has become a choice particularly among women, known as sologamy, which refers to marrying oneself. Accordingly, this paper focuses on discussing the practice of sologamy

from the perspective of Islamic law. The legal analysis applies instruments from the Qur'an, the Sunnah, and customary practices. Clearly, this practice contradicts the Qur'an, the Sunnah, customary norms, and the maqasid (objectives) of marriage in Islam.

Keywords: *Autogamy; Feminism; Preserving progeny; Narcissistic; Patriarchy*

PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan ikatan suci dalam Islam. Ini kerana ia adalah sebahagian daripada pensyariaan buat umat Islam khususnya bagi menjaga keturunan (Munib, 2022). Akad nikah yang sah akan membezakan antara hubungan yang sah ataupun yang haram seperti perzinaan. Asasnya, hanya dua bentuk perkahwinan yang disyariatkan, iaitu dalam bentuk monogami dan poligami. Bentuk monogami yang melibatkan perkahwinan seorang lelaki dengan seorang perempuan lebih banyak diamalkan berbanding poligami yang melibatkan seorang lelaki dan lebih seorang perempuan (Karimullah, 2021). Namun begitu, dalam perkembangan masa kini, telah wujud bentuk perkahwinan yang berbeza daripada konsep asalnya, iaitu berpasangan dan berlawanan jantina antara lelaki dan perempuan. Ia dinamakan sebagai sologami atau autogami, yang bermaksud perkahwinan yang dilakukan oleh seseorang dengan diri sendiri. Ia semakin berkembang dan mendapat tempat dalam masyarakat. (Cahn, 2023). Amalan ini bertentangan secara konseptual dengan istilah perkahwinan, malahan ia menyeleweng daripada panduan syariat dan norma adat resam dalam masyarakat Melayu. Walaupun amalan sologami masih dianggap pelik dalam kebanyakan budaya masyarakat, namun ia semakin tersebar melalui media sosial baharu dan ruang awam. Sehubungan itu, amalan ini akan dianalisis dari perspektif hukum Islam.

LATAR BELAKANG AMALAN SOLOGAMI

Sologami adalah perbuatan mengahwini diri sendiri dalam upacara yang dihadiri para tetamu. Ia juga dikenali sebagai perkahwinan dengan diri sendiri (*self-marriage*) atau autogami. Trend ini semakin marak diamalkan di Amerika, United Kingdom, Australia, Jepun dan Taiwan (Maveal, 2017). Asal-usul sologami dapat ditelusuri adalah sejak tahun 1990-an. Ia dilakukan oleh seorang artis juga feminis, Linda Montano. Montano, yang pernah berkahwin dan bercerai beberapa kali, telah memutuskan untuk mengahwini dirinya sendiri sebagai jalan untuk menyembuhkan hubungannya dengan diri sendiri (Gupta, 2023).

Sologami turut dilakukan pada tahun 1993 oleh seorang wanita Amerika bernama Linda Baker. Beliau mengahwini dirinya sendiri di hadapan beberapa orang yang terdiri daripada ahli keluarga dan rakan-rakan terdekat. Dalam majlis itu, dia mengucapkan ikrar janji untuk bersama dirinya sendiri dalam keadaan sihat atau sakit, dan untuk mencintai dirinya sendiri tanpa syarat (Janka, 2024). Peristiwa ini mendapat liputan secara meluas dan dianggap sebagai tindakan sologami atau perkahwinan diri sendiri pertama yang dihebahkan kepada umum.

Amalan ini terus dipraktikkan oleh seorang wanita di India, iaitu Kshama Bindu. Beliau mengumumkan tentang perkahwinannya dengan dirinya sendiri pada 2022. Selepas perkahwinan Bindu, ramai generasi muda di negara itu semakin cenderung ke arah hubungan berbentuk individualisme (Jain, 2022). Selain itu, Kim Seul-ki, seorang wanita Korea Selatan, telah mengisytiharkan komitmen terhadap dirinya sendiri secara terbuka dengan mengahwini dirinya sendiri dalam satu majlis perkahwinan secara solo pada tahun 2022 (Min-kyung, 2023).

Pendek kata, amalan ini semakin mendapat perhatian dalam kalangan tertentu, khususnya wanita yang sudah penat menunggu pasangan ideal untuk mengesahkan status perkahwinan mereka di samping golongan yang ingin mencabar norma patriarki yang mengutamakan perkahwinan yang didominasi oleh lelaki. Ia juga dilakukan bagi memenuhi keinginan seorang wanita untuk menyintai diri dan menghargai diri sendiri. Tambahan pula amalan sologami telah muncul dalam filem dan penulisan; dan laman web telah diwujudkan bagi membantu para sologamis mengatur perkahwinan mereka (BPS Lawyers, 2018). Hasilnya ramai individu, majoritinya adalah wanita, telah terpengaruh untuk memilih untuk mengamalkan sologami.

FAKTOR PEMILIHAN AMALAN SOLOGAMI

Sologami, atau perbuatan mengahwini diri sendiri, adalah satu trend sosial moden yang mentakrif semula idea tradisional tentang perkahwinan dan komitmen terhadap diri. Muncul dengan ketara pada abad ke-21, sologami melibatkan individu mengadakan upacara rasmi lengkap dengan ikrar, cincin, dan kadangkala majlis resepsi bersama tetamu untuk menunjukkan dedikasi mereka tentang kasih sayang dan penjagaan terhadap diri sendiri. Perkembangan dan pemilihan amalan sologami dikaitkan dengan pelbagai faktor. Di antaranya adalah perubahan sosiobudaya, keinginan untuk melawan sistem perkahwinan yang berasaskan budaya patriarki dan usaha untuk menyintai serta menghargai diri sendiri (Lahad & Kravel-Tovi, 2019).

a. Tekanan Sosial dan Budaya.

Dalam keadaan masyarakat yang menetapkan pencapaian hidup dewasa adalah dengan penanda aras seperti perkahwinan dan kejayaan kerjaya, jadi sologami menawarkan alternatif yang menfokuskan terhadap kebahagiaan peribadi dan pengiktirafan diri. Ia mencabar kepercayaan tradisi bahawa hubungan suami-isteri merupakan sumber utama kebahagiaan, sebaliknya mencadangkan bahawa hubungan seseorang dengan dirinya sendiri adalah sama penting, malah mungkin lebih penting. (Poonia & Dixit, 2024). Selain itu, ia juga dilakukan bagi mengelakkan stigma negatif masyarakat bagi mereka yang lewat berkahwin atau masih bersendirian sama ada disebabkan trauma yang dialami oleh pihak lain atau diri sendiri (Rahman, 2023). Dengan itu, sologami boleh menjadi alat yang berkesan bagi individu yang sedang pulih daripada trauma, menghadapi perubahan hidup, atau mencari kesedaran diri yang lebih mendalam.

b. Melawan arus budaya patriarki

Sologami boleh dilihat sebagai satu tindak balas terhadap sistem patriarki. Ia merupakan cara untuk individu, terutamanya wanita, menegaskan kemandirian mereka dan mencabar jangkaan masyarakat. Dalam sistem patriarki, wanita sering ditakrifkan melalui hubungan mereka dengan lelaki. Sologami membolehkan wanita mentakrifkan diri mereka mengikut terma sendiri, dan meraikan nilai serta harga diri mereka sendiri. (Gupta, 2023).

Dalam sistem patriarki, perkahwinan sering dilihat sebagai matlamat utama bagi wanita. Wanita disosialisasikan untuk mempercayai bahawa mereka memerlukan lelaki dalam hidup untuk bahagia dan sempurna. Sologami mencabar tanggapan ini dengan menekankan cinta sendiri dan penerimaan sendiri. Ia merupakan cara untuk wanita mengisytiharkan bahawa mereka sudah cukup dengan diri sendiri, dan tidak memerlukan lelaki untuk melengkapkan mereka. Sologami juga boleh dilihat sebagai satu tamparan kepada tradisi patriarki, yang secara historis telah menafikan keupayaan bertindak dan autonomi wanita. Dengan memilih untuk mengahwini diri sendiri, wanita mengambil alih kawalan hidup mereka dan menolak idea bahawa kebahagiaan dan kesempurnaan mereka bergantung kepada lelaki.

Amalan sologami juga adalah sebagai satu bentuk ideologi feminisme, kerana ia menggalakkan idea cinta sendiri dan penerimaan sendiri. Ia mencabar tanggapan tradisi perkahwinan, di mana wanita dijangka mencari pasangan dan membina keluarga. Sologami membolehkan wanita meraikan kemandirian mereka dan menerima individualiti mereka. Perkahwinan sering digambarkan kepada wanita sebagai sesuatu yang sentiasa berkisar tentang menggembirakan orang lain. Wanita diajar sejak kecil bahawa mereka mesti menjadi isteri yang baik. Namun kini semakin ramai wanita memilih untuk “berkahwin dengan diri sendiri” bagi memenuhi dan menghargai diri mereka. Sedangkan keinginan atau kerelaan wanita jarang sekali diambil kira dalam perkahwinan. (Girish, 2022; Dhillon & Gupta, 2024).

Pada dasarnya, ia boleh dikatakan sebagai satu bentuk protes terhadap sistem perkahwinan tradisional, malahan ia juga adalah satu bentuk respons terhadap trauma digital, kehampaan sosial dan krisis kekosongan jiwa dalam kalangan masyarakat kini. Trauma digital berpunca daripada tekanan psikologi yang bersumberkan media sosial baharu. Saban hari para pengguna media sosial disogokkan dengan kes keganasan rumahtangga yang melibatkan penderaan, pengabaian nafkah serta pembunuhan pasangan. Momokan kisah tragis setiap hari ini menimbulkan rasa ketakutan untuk berpasangan dan mendirikan rumahtangga. Ia mendorong seseorang untuk memilih alternatif berkahwin dengan diri sendiri sebagai satu bentuk pemerkasaan diri dan perlindungan diri dari keganasan.

Di samping itu kehampaan sosial dan kekecewaan dalam kegagalan hubungan silam juga menyebabkan seseorang memilih untuk menyayangi diri sendiri. Mereka merasai perderitaan hidup berpasangan kerana tidak menikmati hubungan bahagia lagi bermakna. Bahkan dalam dunia yang serba materialistik, sesetengah orang merasakan komitmen secara tradisional sebagai beban dan tiada kebebasan (Garcia, 2017).

Selain itu, kekosongan jiwa dan rohani pasca modenisme turut mendorong gejala sologami. Orang yang tiada makna serta arah hidup yang jelas dan jauh jarak dalam hubungan dengan Allah SWT menyebabkan mereka cenderung untuk mencari kebahagiaan melalui hubungan yang palsu dan menipu diri sendiri untuk perjuangkan rasa cinta yang sesia. Ia lebih berbentuk narsisme. Lama kelamaan situasi ini akan menyebabkan mereka tersungkur dan kemurungan di kemudian hari.

IMPLIKASI AMALAN SOLOGAMI TERHADAP KEUTUHAN INSTITUSI KELUARGA

Sologami merupakan satu fenomena semasa yang semakin diamalkan dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia. Sehingga kini tiada negara yang mengiktiraf amalan ini sebagai bentuk perkahwinan yang sah dan rasmi. Disebabkan ia mula dijadikan trend oleh golongan wanita di Barat, Jepun, Korea dan India, ia menimbulkan implikasi yang besar terhadap keutuhan institusi keluarga. Di antaranya adalah:

- a. Merosakkan konsep perkahwinan. Ini disebabkan amalan sologami mengubah konsep perkahwinan secara tradisional yang melibat dua pihak, iaitu lelaki dan perempuan kepada hubungan yang berbentuk individualistik. Ia merosakkan pengertian perkahwinan yang melibatkan pasangan dan ikatan antara dua pihak.
- b. Pemusatan diri yang melampau. Institusi keluarga tradisional dibina atas nilai-nilai seperti pengorbanan, tolak ansur, kasih sayang terhadap orang lain, dan tanggungjawab bersama. Sologami menterjemahkan hubungan yang paling asas sebagai hubungan

dengan diri sendiri, yang boleh mengukuhkan naratif budaya mengutamakan diri sendiri yang merosakkan nilai kekeluargaan.

- c. Normalisasi keluarga tunggal. Sologami mengisyaratkan bahawa unit keluarga asas bukan lagi ibu-bapa-anak, atau suami-isteri, tetapi individu tunggal. Ini berpotensi mengurangkan kepentingan dan nilai unit keluarga yang lebih luas dalam masyarakat.
- d. Penghapusan peranan ibu bapa dan pasangan. Dalam sologami, peranan sebagai "suami" atau "isteri" menjadi delusional semata-mata. Ketiadaan pasangan juga bermakna ketiadaan ibu atau bapa kepada anak, melainkan melalui kaedah seperti pendermaan sperma/telur atau pengambilan anak angkat secara bersendirian. Ini menjejaskan peranan kedua ibu bapa yang signifikan dalam perkembangan fizikal dan emosi kanak-kanak.
- e. Beban rumahtangga berganda. Semua tanggungjawab dalam rumahtangga sama ada dalam aspek ekonomi, pendidikan, emosi, dan penjagaan tertumpu pada satu individu. Ini meningkatkan risiko keletihan, tekanan, dan kegagalan dalam membina kesejahteraan dalam rumahtangga.

AMALAN SOLOGAMI MENURUT PERSPEKTIF HUKUM ISLAM

Trend sologami termasuk dalam kategori budaya konsumerisme yang akan menjadi ikutan bagi para pengguna sama masyarakat bukan Islam atau masyarakat Islam sendiri. Ini disebabkan amalan ini menawarkan alternatif konsep solo atau keseorangan (*singlehood*) kepada berpasangan atau berkahwin. Tidak dapat dinafikan ia akan ditiru oleh segelintir orang Islam dengan alasan menghargai diri sendiri. Masyarakat kini cenderung mengikuti arus teknologi dan media, yang marak kiblatnya merupakan media sosial baharu dan mereka menfokuskan pemuasan diri dengan menjadikannya sebagai produk konsumtif (Khoiriyah, 2024). Justeru amalan ini perlu kepada penilaian dari perspektif hukum Islam. Dalam penilaian hukum berkaitan dengan amalan sologami, terdapat beberapa instrumen hukum yang diaplikasikan. Ia merangkumi perspektif al-Quran, al-Sunnah, adat dan maqasid Syariah.

Dalam konteks Islam, sologami menimbulkan pelbagai polemik dari sudut hukum syarak, norma sosial, objektif perkahwinan, dan kelangsungan sesebuah masyarakat. Ini kerana dalam hukum Islam, perkahwinan merupakan sebuah ikatan yang suci di antara lelaki dan perempuan. Hubungan ini menjadi sah melalui akad nikah dan cukup rukun serta syaratnya. Tujuannya tidak lain melainkan untuk memelihara keturunan dan memenuhi naluri seksual manusia secara sah, di samping mewujudkan ketenangan dan kasih sayang dalam rumahtangga. Ia juga bagi menimbulkan rasa kebersamaan antara pasangan dalam hubungan yang bertimbal balik di antara tanggungjawab dan hak. Dalam hal ini, Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Rum, ayat 21, maknanya: *Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.* Dalam hadis Nabi SAW, baginda menegaskan bahawa perkahwinan adalah sebahagian daripada Sunnah baginda. Rasulullah SAW telah bersabda, ertinya: *Menikah itu termasuk sebahagian daripada Sunnahku, sesiapa yang tidak mengamalkan Sunnahku, maka dia bukan dari kalanganku..* (HR Ibn Majah, no hadis: 1846).

Selain itu, Islam melarang umatnya untuk *tasyabbuh* atau menyerupai orang bukan Islam dalam perkara yang menjadi simbol kepercayaan, identiti atau nilai khas mereka (al-Luwaihiq, 1417H), Rasulullah SAW bersabda, ertinya: “*Barang siapa menyerupai sesuatu kaum, maka dia termasuk daripada mereka.*” (HR Abu Dawud, no. hadis: 4031). Ibn Rajab al-Hanbali (1990) menyatakan hadis ini menunjukkan bahawa penyerupaan dengan golongan jahat seperti orang kafir, fasiq dan ahli maksiat adalah perbuatan yang dicela. Allah SWT telah menegur mereka yang meniru perbuatan keji kaum terdahulu (Ibn Kathir, 1999), sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Taubah, ayat 69 yang bermaksud: “*Maka kamu telah bersenang-senang dengan bahagian kamu sebagaimana orang-orang sebelum kamu telah bersenang-senang dengan bahagian mereka, dan kamu telah terjerumus (dalam kebatilan) sebagaimana mereka terjerumus*”. Oleh kerana itu, amalan sologami yang mengandungi upacara seperti majlis “nikah diri sendiri” dengan pakaian pengantin, cincin dan lafaz janji sebagaimana tradisi barat jelas termasuk dalam bentuk penyerupaan yang dilarang (Meerangani, et al., 2021). Hal ini kerana amalan ini mengangkat nilai kufur seperti penolakan terhadap sunnah perkahwinan serta kebebasan tanpa batas yang bertentangan dengan asas ajaran Islam.

Di samping itu, amalan sologami juga bertentangan dengan adat resam masyarakat Melayu yang amat menekankan adat perkahwinan dalam membentuk sebuah keluarga yang harmoni dan rukun. Begitu juga dari aspek perundangan, amalan ini bukanlah satu pernikahan yang sah dan diiktiraf dalam Undang-undang Keluarga Islam. Pengamalannya lebih bersifat simbolik dan peribadi. Ia lahir daripada budaya masyarakat bukan Islam yang memperjuangkan individualisme dan autonomi diri, pemerkasaan diri, kebebasan dari ikatan, bebanan nikah dan cengkaman budaya patriaki. Peniruan terhadap budaya asing ini jelas bercanggah dengan hukum Islam (Sabri & Ramli, 2020).

Dari perspektif maqasid syariah, amalan ini jelas bercanggah dengan objektif perkahwinan dalam memelihara keturunan (*hifz al-nasl*), kerana ia menyimpang dari fitrah manusia dan tujuan penciptaan lelaki dan perempuan (al-Maryami, 2025). Perkahwinan dengan diri sendiri tidak akan mampu untuk menjaga kelangsungan keturunan manusia sebaliknya ia hanyalah helah semata-mata untuk lari dari alam perkahwinan yang sebenar. Ia juga merupakan contoh amalan atau norma yang dicipta berdasarkan kepada penghujahan yang lemah dan rapuh tentang makna cinta, komitmen, tanggungjawab dan hak dalam perkahwinan.

Jika ditelusuri dalam *fiqh* munakahat, rukun nikah merupakan perkara yang paling penting dalam menentukan kesahihan sesuatu akad pernikahan bagi setiap pasangan. Ia terdiri daripada lima rukun yang wajib dipatuhi oleh setiap individu yang hendak berkahwin iaitu pengantin lelaki, pengantin perempuan, lafaz (ijab dan qabul), wali dan dua orang saksi (al-Malibari, 2022). Bagi seorang suami, syarat-syarat yang perlu dipenuhi ialah mestilah lelaki yang sebenar, beragama Islam, tidak dalam keadaan berihram, tidak dipaksa, serta menentukan wanita yang ingin dinikahi dengan jelas ketika akad berlangsung. Manakala bagi isteri pula, hendaklah seorang perempuan yang sebenar, beragama Islam, tidak dalam keadaan berihram, tidak berada dalam ikatan perkahwinan atau tempoh iddah, serta ditentukan dengan jelas ketika akad dijalankan (al-Syatiri, 2023). Apabila rukun dan syarat ini dipenuhi dengan sempurna, maka sah dan terbinallah ikatan perkahwinan antara dua insan. Dengan itu, suami memikul tanggungjawab menunaikan hak isterinya dari segi nafkah zahir dan batin seperti tempat tinggal, makanan, alatan untuk kebersihan diri, pakaian dan lain-lain (al-Khatib al-Syirbini, 2022). Ini menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan kebajikan dan kehormatan wanita walaupun setelah bergelar isteri. Manakala bagi isteri pula, menjadi kewajipan ke atasnya untuk mentaati suami di mana sahaja berada, selagi mana tidak bertentangan dengan syariat Islam.

Sifat toleransi serta persefahaman yang baik antara kedua-dua pihak merupakan kunci utama dalam membina kebahagiaan dan menangani konflik yang berlaku dalam rumah tangga.

Jelasnya, perkahwinan dalam Islam bukan hanya menfokuskan tentang pasangan lelaki dan perempuan semata-mata, malah ia adalah sebahagian daripada ibadah yang mampu mendekatkan diri manusia dengan Allah SWT (Somantri, 2022). Ia juga mencerminkan perkongsian dan kerjasama antara suami isteri dan bukan perjuangan berbentuk individualistik. Ini kerana ia adalah amanah yang bakal dipertanggungjawabkan. Justeru, hubungan suami dan isteri berimbangan di antara hak dan kewajipan kedua-dua pihak.

PENUTUP

Amalan sologami, walaupun bagi sesetengah pihak dilihat sebagai simbol pemerkasaan diri dan kebebasan, tetapi secara dasarnya bercanggah dengan ciri-ciri asas institusi keluarga yang dibina atas dasar perkongsian, saling lengkap-melengkapi, pengorbanan, dan tanggungjawab kolektif. Oleh itu, implikasi terbesar sologami adalah melemahkan institusi keluarga dari akar umbinya dengan menjadikan diri sendiri sebagai pusat segala-galanya, seterusnya mengurangkan keupayaan masyarakat untuk membina ikatan sosial yang kukuh, saling menyayangi, dan mampan untuk generasi akan datang. Sehubungan dengan itu, peniruan terhadap amalan sologami ini perlu dihindari oleh umat Islam kerana ia mampu merosakkan kestabilan institusi keluarga dan menggugat keharmonian masyarakat Islam. Kemodenan bukan alasan manusia meninggalkan ajaran agama. Sedangkan Islam tidak pernah menghalang umatnya daripada menyintai diri sendiri, bahkan Allah SWT telah memerintahkan umat Islam agar tidak menjerumuskan diri dalam kancah kebinasaan. Akan tetapi dalam menyintai diri sendiri perlu selari dengan panduan Syariat. Justeru carilah penyelesaian kepada masalah yang dihadapi secara tuntas, bukan sekadar peniruan terhadap ritual orang bukan Islam semata-mata yang akhirnya akan menimbulkan dampak negatif kepada diri sendiri. Oleh itu, jangan menggantikan makna sebuah ikatan suci yang bernuansakan ibadah dan tanggungjawab dengan satu amalan yang mementingkan diri dan bersifat individualistik demi mengejar kebahagiaan yang palsu juga bertopengkan perkahwinan, hakikatnya ia tetap bersendirian.

RUJUKAN

- Al-Khatib al-Syirbini, M.A. (2022), *Mughni al-muhtaj ila ma'rifah ma'ani al-faz al-minhaj*. cetakan ke-2. Dar al-Faiha.
- Al-Luwaihiq, J.H. (1417H). *Al-tasyabbuh al-manhi 'anhu fi al-fiqh al-Islami*. Jami'ah Umm al-Qura.
- Al-Malibari, Z.D.A.M. (2022). *Fath al-Mu'in bi Syarh Qurrat al-Ayn bi Muhimmat al-Din*. Dar al-Taqwa.
- Al-Maryami, R.M.R. (2025). "Al-maqasid al-syar'iyah li al-zawaj fi al-Islam", *Libyan Journal of Contemporary Academic Studies*, 3(1), 31-45.
- Al-Syatiri, A.U. (2023). *Al-yaqut al-nafis fi madhhab al-Imam Muhammad bin Idris*. cetakan ke-7. Dar al-Minhaj.
- BPS Lawyers (2018), "Riding solo: Sologamy, the newest new age trend", <https://www.bpslawyers.com/blog/riding-solo-sologamy-the-newest-new-age-trend/> diakses pada 25 Oktober 2025.

- Cahn, N.R. (2023). "Reflections on singlehood", *Wash. UJL & Pol'y*, 72, 27. <https://ssrn.com/abstract=4424015>
- Dhillon, M., & Gupta, A. (2024). 'I call it self-love now': Indian Women's experiences of self-partnering. *Asian Studies Review*, 49(1), 193-213. <https://doi.org/10.1080/10357823.2024.2368886>
- Garcia, P. (2017). "Why women are choosing to marry themselves", <https://www.vogue.com/article/women-marrying-themselves-sologamy> diakses pada 25 Oktober 2025.
- Girish, R. (2022). "Legal implications of sologamy in India". *Indian J. Integrated Rsch. L.*, 2, 1.
- Gupta, A.K. (2023). "Sologamy: Empowering self-love or a rebellion against patriarchy?". *Third Concept: An International Jurnal of Ideas*, 37(437), 24-27.
- Ibn Kathir (1999). *Tafsir al-Quran al- 'Azim*. Dar Taibah.
- Ibn Rajab al-Hanbali (1990). *Al-Hukm al-Jadidah bi al-Iza'ah*. Dar al-Makmun Li al-Turath.
- Jain, T. (2022). "Sologamy: Acceptable or not?". *Indian J. Integrated Rsch. L.*, 2, 1.
- Janka, D. G. (2024). "Examination of the place of sologamy in the Legal System of Ethiopia". *Jimma UJL*, 16, 46.
- Karimullah, S.S. (2021). "Poligami perspektif fikih dan hukum keluarga negara muslim", *MADDIKA: Journal of Islamic Family Law*, 2(1), 7-20.
- Khoiriyah, I.M. (2024). "Eksistensi Pop culture dalam ritual pra-pernikahan di era post truth". *AT-THARIQ: Jurnal Studi Islam Dan Budaya*, 4(01), 54-64.
- Lahad, K., & Kravel-Tovi, M. (2019). "Happily-ever after: Self-marriage, the claim of wellness, and temporal ownership". *The Sociological Review*, 68(3), 659-674. <https://doi.org/10.1177/0038026119889479> (Original work published 2020)
- Maveal, A. (2017). "What is sologamy and why are women doing it?", <https://globalnews.ca/news/3484099/what-is-sologamy-and-why-are-women-doing-it/> diakses pada 25 Oktober 2025.
- Meerangani, K.A., Sharif, D., Ramli, M.A., Hamid, M.F.A., Zulkefli, A.A., & Rafie, A. (2021). "Tasyabbuh in plural society in Malaysia: An Islamic perspective". *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8), 1207-1219.
- Min-kyung, J. (2023). "The dedication of marrying oneself: Why some Koreans throw 'sologamy' weddings", <https://m.koreaherald.com/article/3242758> diakses pada 25 Oktober 2025.
- Munib, A. (2022). "kompilasi tujuan perkawinan dalam hukum positif, hukum adat, dan hukum Islam". *VOICE JUSTISIA: Jurnal Hukum Dan Keadilan*, 6(2), 36-48.
- Poonia, V., & Dixit, A. (2024). "Sologamy: A failure to the legality and sanctity of marriage as an institution". *Issue 3 Int'l JL Mgmt. & Human.*, 7, 4150.
- Rahman, N.A.Z.A., & Hoesni, S.M. (2023). "Hubungan antara trauma zaman kanak-kanak dan kesediaan perkahwinan dalam kalangan kemunculan dewasa di Selangor". *Jurnal Wacana Sarjana*, 7(3), 1-15. Retrieved from <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/542>

Sabri, A.M. & Ramli, M.A. (2020). Amalan bridal shower dalam majlis perkahwinan Melayu Islam menurut perspektif hukum Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3), 149-164.

Somantri, M.D. (2022). *Fiqh munakahat: Hukum perkawinan dalam Islam*. Hasna Pustaka.